

Universiti Kepimpinan dan Pengurusan ambil pelajar sulung Penguatkuasaan,

Oleh **Mohd Amin Jalil** - Julai 2, 2024 @ 4:29pm
bhnews@bh.com.my



Kassim bersama Ruslan menunjuk dokumen MoU di antara ELMU dan COSTAM pada majlis di Nilai, hari ini. - Foto BERNAMA

NILAI: Universiti Penguatkuasaan, Kepimpinan dan Pengurusan (ELMU), di Bandar Enstek di sini, mengambil 800 pelajar sulung pada 20 Julai ini.

Universiti yang memulakan operasi pada Februari 2022 itu menawarkan 11 program pengajian membabitkan peringkat asasi, diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah (PhD).

Naib Canselor ELMU, Datuk Dr Kassim Noor Mohamed, berkata ELMU ialah universiti penuh pertama berkaitan penguatkuasaan di negara ini.

Beliau berkata, antara lain penubuhannya bermatlamat membantu dari segi undang-undang penguatkuasaan melalui pendidikan.

"Kita mahu jadi penanda aras kepada yang lain. Sekarang macam-macam persepsi orang buat tentang penguatkuasaan undang-undang di negara ini. Macam mana kita nak bantu? Sebab itu kita buat keputusan tubuhkan universiti ini."

"Setakat ini, sudah ada 569 pengambilan untuk semua peringkat dan dijangka akan bertambah sehingga 800 orang dalam masa terdekat.

"Kita juga menerima maklum balas baik daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang berhasrat menghantar peserta untuk mengikuti pengajian di sini," katanya di sini, hari ini.

ELMU menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Gabungan Persatuan-Persatuan Sains dan Teknologi Malaysia (COSTAM) dan Memorandum Perjanjian (MoA) dengan ELS Sdn Bhd (ELS).

Yang turut hadir, Presiden COSTAM, Prof Dr Ruslan Hassan dan Pengarah Urusan ELS, Sean Chee.